

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 20 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 49)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor utama yang digunakan JP Morgan yang menukar penilaian ekonomi Malaysia dari *underweight* kepada *neutral* dan apakah langkah-langkah seterusnya diambil oleh Kementerian bagi memastikan ekonomi Malaysia ke arah yang lebih positif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JP Morgan telah menaik taraf penilaian ekonomi negara kepada '*neutral*' daripada '*underweight*' pada Julai 2024 setelah hampir enam tahun berada dalam kategori '*underweight*'. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk pembaharuan dasar dalam negara, pemulihan dalam sektor pembuatan yang didorong oleh permintaan luar, pelaburan dalam projek infrastruktur, pembangunan pesat pusat data serta pelaburan yang diluluskan yang melonjak kepada RM329.5 bilion pada tahun 2023, menandakan pencapaian bersejarah bagi negara. Dalam hal ini, JP Morgan mengulas bahawa kestabilan politik merupakan penggerak utama dalam memastikan Kerajaan berupaya melaksanakan dasar dan perancangan semasa.

Di samping itu, komitmen Kerajaan terhadap kestabilan ekonomi dalam jangka panjang melalui antaranya pengenalan kerangka Ekonomi MADANI, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) telah meletakkan asas yang kukuh ke arah pembangunan mampan Malaysia. JP Morgan juga meneliti tahap kemajuan pelaksanaan program dan projek di luar jangkaan yang turut mempengaruhi penilaian ini.

Kerajaan akan mempergiatkan usaha untuk merangsang sektor swasta agar lebih rancak dan dinamik bagi memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang. Antara inisiatif untuk memastikan persekitaran perniagaan dan pelaburan kekal kondusif termasuk:

- a. **Pelaksanaan inisiatif Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP)** bagi menggalakkan pelaburan domestik dengan kerjasama daripada syarikat pelaburan berkaitan kerajaan;
- b. **Penubuhan Jawatankuasa Tindakan Penyelarasan Pelaburan dan Perdagangan (JTPPP) di bawah Majlis Pelaburan Negara** untuk memastikan komitmen pelaburan FDI dan DDI direalisasikan secepat mungkin; dan

- c. **Penubuhan Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia (IMFC)** untuk mempercepat pelbagai proses kelulusan bagi pelabur.

Langkah-langkah lain di bawah Belanjawan 2025 turut akan **menggalakkan pelaburan dan penggunaan sektor swasta**, antaranya seperti berikut:

- a. Pengenalan Kerangka Insentif Pelaburan Baharu yang menumpukan aktiviti bernilai tinggi pada suku ketiga 2025 yang merangkumi dana pelaburan strategik bernilai RM1 bilion; dan
- b. Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) dan Dana Pembangunan Industri NIMP (NIDF) berjumlah RM200 juta disediakan bagi menyokong pertumbuhan PKS dan syarikat pertengahan serta menggalakkan pendayaciptaan.

Secara keseluruhan, usaha tersebut dijangka memberi impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dari 430,000 peminjam yang tidak membayar hutang PTPTN :

- (a) berapa jumlah peminjam PTPTN yang sudah bekerja dan gajinya sudah melebihi RM3,000 tetapi tidak pernah membuat sebarang pembayaran balik kepada PTPTN; dan
- (b) jumlah di antara peminjam ini yang berasal dari kawasan Jerantut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, PTPTN hanya mempunyai data peminjam yang diperoleh semasa peminjam membuat permohonan dan masih belum mempunyai pendapatan.

2. Walau bagaimanapun, berdasarkan data peminjam yang tersedia, daripada keseluruhan 415,109 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik sehingga 31 Ogos 2024, seramai 189,580 peminjam atau 45.7% adalah merupakan kumpulan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), manakala 225,529 peminjam atau 54.3% merupakan bukan kumpulan penerima STR.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh yang sama, sehingga 31 Ogos 2024, seramai 1,710 peminjam di bawah Parlimen Jerantut **tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman mereka** iaitu berjumlah RM38.17 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Hasutan untuk (*intention*) seorang tertuduh relevan untuk pembelaan seorang tertuduh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, seksyen 3(3) telah memperuntukkan *“Bagi maksud membuktikan pelakuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini niat orang yang dipertuduh itu pada waktu dia melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia menyebut apa-apa perkataan menghasut atau pada waktu dia mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan, mengeluarkan semula atau mengimport apa-apa penerbitan atau pada waktu dia melakukan apa-apa benda lain hendaklah disifatkan sebagai tidak berkaitan jika sebenarnya perbuatan itu mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut, atau jika sebenarnya perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan menghasut.”*

Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan satu kajian bagi menilai dan menyemak sama ada pindaan terhadap Akta Hasutan perlu dibuat supaya ianya seiring dengan peredaran masa dan kesalahan melibatkan elemen 3R. Susulan kajian tersebut, pelbagai libat urus dengan pemegang taruh telah dan sedang diadakan terutamanya berkaitan undang undang yang boleh membendung kesalahan terhadap perkara yang menyentuh elemen 3R.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan strategi jangka panjang Kementerian dalam memastikan komoditi getah kekal relevan di pasaran serta kelangsungan tanaman ladang getah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia kini merupakan negara pengeluar getah asli kelapan di dunia. Pada tahun 2023, Malaysia mengimport sebanyak 1.002 juta tan getah asli dengan nilai RM5.73 bilion bagi memenuhi keperluan sektor pemprosesan dan pembuatan tempatan. Malaysia kini berstatus sebagai pengimport bersih (*Net Importer*) getah asli.

2. Walaupun pengeluaran getah asli mengalami penurunan, sektor hiliran getah dan produk berasaskan getah terus memberikan sumbangan signifikan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2023, sektor ini menyumbang RM27.8 bilion kepada pendapatan eksport negara. Sektor getah juga kekal relevan dengan menyediakan lebih daripada 400,000 peluang pekerjaan, menunjukkan peranannya yang penting bagi ekonomi negara.

3. Keutamaan Kementerian pada masa kini adalah untuk meningkatkan pengeluaran getah asli bagi menampung keperluan domestik yang dianggarkan 1 juta tan metrik getah asli setahun. Oleh itu, Kementerian telah merangka strategi dan akan melaksanakan Program Konsolidasi (Penyatuan Tanah) di kawasan ladang getah terbiar dan tidak bertoreh. Program ini akan dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi terlibat seperti LGM, RISDA, FELDA, FELCRA dan semua pemegang taruh bagi memulih dan mengeluarkan hasil di kawasan seluas 420,000 hektar tidak bertoreh di seluruh negara. Pemulihan dan pengeluaran hasil di kawasan terbiar ini adalah langkah segera dan strategik bagi memperkasakan semula sektor getah di Malaysia.

4. Selain itu, Kementerian juga komited untuk memastikan industri getah negara terus berkembang dengan memenuhi keperluan antarabangsa dalam aspek kemampuan. Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah membangunkan Getah Asli Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Natural Rubber*) atau dikenali "MSNR". MSNR merupakan pengiktirafan secara kawal selia dan penguatkuasaan (*Regulatory*

NO SOALAN : 14

Approach) yang diberikan kepada pemegang lesen dan permit LGM untuk memastikan getah yang dihasilkan mampan dan berdaya saing.

5. Pelaksanaan MSNR juga akan menyokong usaha kelangsungan tanaman getah serta dapat meningkatkan pengeluaran getah negara. Dengan memberi keutamaan kepada penggunaan getah tempatan berbanding getah import, pelaksanaan ini juga dapat membantu mengurangkan pengaliran wang ke luar negara. Tambahan pula, tren permintaan terhadap produk getah pada masa kini menunjukkan peningkatan terhadap barangan yang dihasilkan secara mampan, dan pelaksanaan MSNR akan memastikan Malaysia mampu memenuhi permintaan tersebut, sekaligus mengekalkan daya saing industri getah negara di pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan :

- (a) status terkini penggubalan dasar bagi *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) terutamanya penentuan *System Access Charge* (SAC) untuk *firm and non-firm power*, dan
- (b) adakah Kementerian akan mengurangkan SAC daripada kadar yang dicadangkan semasa sesi libat-urus dengan pemain industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) telah mula berkuatkuasa selepas garis panduan pelaksanaan program ini iaitu "*Guidelines for the Corporate Renewable Energy Supply Scheme*" dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada 20 September 2024. Mana-mana pihak atau syarikat yang berminat menyertai inisiatif akses grid terbuka untuk membekalkan bekalan elektrik hijau kepada pengguna korporat, boleh mengemukakan permohonan kepada Single Buyer berdasarkan syarat dan peraturan yang ditetapkan di bawah garis panduan berkenaan.
2. Kadar caj akses sistem atau *System Access Charge* (SAC) yang ditetapkan di bawah Program CRESS untuk output tenaga *firm* adalah 25sen/kWj dan *non-firm* adalah 45sen/kWj. Penetapan kadar SAC ini dilakukan setelah mengambil kira aspek pengendalian dan tunggu sedia sistem pembekalan, pembangunan dan naik taraf infrastruktur, sistem dan rangkaian grid serta penyampaian perkhidmatan.
3. Kadar SAC ini telah ditetapkan berdasarkan kos operasi, kos pembangunan dan kos penyampaian sebenar bagi pelaksanaan akses grid terbuka. Oleh itu, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) tidak bercadang untuk menurunkan kadar SAC buat masa ini bagi memastikan program ini berjaya dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan komitmen Kementerian untuk menghubungkan Pelabuhan Kemaman dengan jaringan East Coast Rail Link (ECRL) agar dapat dijadikan sebagai pintu masuk perdagangan di sebelah Pantai Timur Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan projek mega yang bakal menjadi tunjang kepada perkhidmatan pengangkutan rel yang menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat dengan panjang keseluruhan 665km. Projek ECRL ini dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen A dari Kota Bharu ke Dungun, Seksyen B dari Dungun ke Mentakab dan Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang melalui Gombak dan Serendah.

2. Jajaran ECRL yang merangkumi Seksyen A sehingga Seksyen C ini terdiri daripada 20 buah stesen secara keseluruhannya. Bagi negeri Terengganu sahaja terdapat 6 buah stesen di mana 2 buah stesen merupakan stesen penumpang dan kargo yang dapat memberi akses perkhidmatan rangkaian rel kepada Pelabuhan Kemaman dan juga Kerteh melalui jajaran sisihan. Untuk makluman, Pelabuhan Kemaman akan disambungkan ke jajaran utama ECRL melalui jajaran sisihan dari Stesen Chukai yang telah diambilkira dan diluluskan di dalam Skim Kereta Api projek ECRL.

3. Pihak Malaysia Rail Link (MRL) telah membuat beberapa perbincangan bersama pemegang taruh dan pihak-pihak berkepentingan di kawasan Kemaman antaranya Eastern Pacific Industrial Corporate (EPIC) yang berpangkalan di Terengganu. Memorandum persefahaman antara MRL dengan EPIC Group telah dimeterai pada 9 Oktober 2024 sebagai simbol hasil usaha sama dalam mengintegrasikan operasi Pelabuhan Kemaman dengan rangkaian rel ECRL bagi perkhidmatan pengangkutan kargo ke pelabuhan-pelabuhan utama lain di sepanjang jajaran ECRL.

4. Kewujudan rangkaian rel ECRL ini turut menjadikan infrastruktur pengangkutan kargo kepada penjaan pembangunan industri di sepanjang koridor ECRL terutamanya di kawasan Pantai Timur. Selain itu, ketersambungan ini secara langsung dapat meningkatkan produktiviti dan memberi impak kepada ekonomi yang baik untuk jangka masa

panjang bagi negeri Terengganu dengan penggunaan perkhidmatan pengangkutan kargo ECRL dan bakal menjadi satu laluan alternatif penghantaran barang dengan jarak yang lebih pendek berbanding laluan laut sedia ada yang perlu melalui Selat Melaka.

5. Pada masa ini, fokus utama pihak MRL dan kontraktor CCCC adalah untuk menyiapkan projek dalam jangka masa yang telah ditetapkan di mana tarikh siap Fasa 1 dari Kota Bharu, Kelantan sehingga Terminal Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala tarikh siap Fasa 2 iaitu dari Gombak sehingga ke Pelabuhan Klang, Selangor pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan indikator yang digunakan Kementerian bagi mengukur literasi rakyat terhadap penggunaan tenaga boleh baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) tidak menetapkan indikator khusus bagi mengukur literasi rakyat terhadap penggunaan tenaga boleh baharu (TBB). Namun secara umumnya, penggunaan TBB terutamanya penjanaan tenaga solar oleh rakyat di negara ini telah meningkat secara mendadak selepas pelaksanaan inisiatif khusus TBB iaitu mekanisme Feed-in Tariff (FiT) pada tahun 2011 dan seterusnya pelaksanaan Program Net Energy Metering (NEM) pada tahun 2017, yang membolehkan rakyat memasang sistem solar PV di bumbung premis kediaman.

2. Sekiranya kita melihat kepada jumlah pengguna domestik yang mempunyai pemasangan sistem solar PV pada tahun 2011, iaitu semasa permulaan mekanisme galakan TBB diperkenalkan, didapati hanya sekadar 94 pengguna dengan jumlah kapasiti sebanyak 0.5MW (500kW). Jumlah tersebut telah meningkat kepada 49,000 pengguna pada masa ini dengan jumlah kapasiti pemasangan sistem solar berjumlah 372MW iaitu peningkatan kapasiti sebanyak 744 kali ganda dan peningkatan pengguna sebanyak 521 kali ganda.

3. Peningkatan penggunaan sistem solar di kalangan pengguna domestik ini menunjukkan bahawa literasi rakyat terhadap penggunaan TBB untuk pembekalan elektrik telah meningkat seiring dengan pembangunan semasa yang lebih menitikberatkan aspek pengurangan jejak karbon serta kelestarian alam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kajian yang telah dilakukan terhadap kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang kepada negeri-negeri sebagaimana yang dicadangkan oleh Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*) merupakan pemberian selaras dengan peruntukan Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Pemberian ini telah dipinda beberapa kali dan kadar semasa adalah pindaan yang diluluskan melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 (Akta 622) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. Berdasarkan kadar semasa tersebut, jumlah peruntukan kepada negeri tetap meningkat pada setiap tahun.

YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Kewangan Negara tahun 2024 telah bersetuju supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula Pemberian Mengikut Bilangan Orang namun ianya masih tertakluk kepada kedudukan dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, hasil semakan dan sebarang cadangan penambahbaikan ke atas pemberian ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang akan datang.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan sentiasa menambah baik semua pemberian yang diberikan kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu-satu pemberian sahaja. Pada tahun 2024 sahaja, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) telah dinaikkan kepada RM400 juta, Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri dinaikkan kepada RM5.36 bilion dan Pemberian Insentif Kewangan Bagi Konservasi Biodiversiti (*Ecological Fiscal Transfer - EFT*) turut dinaikkan kepada RM200 juta. Pemberian-pemberian ini dimanfaatkan oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan dan kelestarian ekonomi negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING
[BEAUFORT]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang telah diambil oleh Kementerian dalam mengatasi sindiket pemerdagangan manusia yang memperdaya mangsa secara dalam talian dengan menawarkan pekerjaan yang menarik sebelum memaksa mangsa bekerja sebagai '*scammer*' penipuan judi secara dalam talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

**Pelan dan Tindakan Kerajaan Untuk Menangani Jenayah
Pemerdagangan Orang dan Penipuan Sindiket Pekerjaan**

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberi perhatian serius dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang berlaku di Malaysia. Dalam konteks pengenalpastian mangsa pemerdagangan orang, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dengan kerjasama badan bukan Kerajaan serta pertubuhan antarabangsa telah membangunkan Garis Panduan Nasional Untuk Indikator Pemerdagangan Orang (NGHTI) yang merupakan dokumen standard yang menjadi rujukan utama agensi penguatkuasaan dalam pengenalpastian mangsa pemerdagangan orang dan akan diguna pakai dalam setiap operasi yang berkaitan termasuklah dalam operasi menangani kumpulan sindiket penipuan pekerjaan.

Dalam usaha menangani masalah '*scammer*' berkaitan penipuan judi secara dalam talian di peringkat domestik, Kementerian Dalam Negeri melalui agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siri operasi bersepadu bermula daripada Ogos 2022 sehingga September 2024 yang bertujuan membanteras dan mencegah sindiket penipuan kerja terutamanya kepada agen (*recruiter*) pekerjaan yang menawarkan pekerjaan terhadap warganegara Malaysia untuk bekerja di luar negara.

Sebanyak lima (5) siri operasi telah dijalankan dengan kejayaan menumpaskan lima (5) sindiket di Lembah Klang dan Johor yang berhasil menyelamatkan 25 orang yang disyaki diperdagangkan dan tangkapan seramai 20 orang warganegara tempatan. Siasatan dijalankan mengikut seksyen 12 dan 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670].

Statistik Terkini Bilangan Mangsa Penipuan Sindiket Pekerjaan

Sehingga 20 September 2024, PDRM telah menerima sebanyak (427) laporan polis berkaitan jenayah penipuan tawaran pekerjaan membabitkan seramai (557) orang warganegara Malaysia menjadi mangsa. Daripada jumlah tersebut seramai (429) orang telah berjaya diselamatkan dan (128) orang masih terkandas di luar negara.

Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM)

PDRM secara berterusan untuk telah melaksanakan usaha-usaha berikut untuk menangani sindiket jenayah penipuan pekerjaan:

- (a) Mengadakan sesi libat urus bersama Negara Kemboja, Thailand, Myanmar dan Laos untuk tujuan perkongsian maklumat dan penyelarasan misi menyelamatkan mangsa;
- (b) Mengenalpasti sindiket yang menjadi dalang terutamanya ejen pekerjaan di Malaysia;
- (c) Menjalankan siasatan komprehensif bagi menghasilkan pendakwaan agar memberi kesan deterrence kepada masyarakat;
- (d) Meningkatkan kesedaran awam dan tahap kefahaman pelbagai lapisan masyarakat, termasuk di kawasan luar bandar mengenai modus operandi sindiket jenayah penipuan;
- (e) Sesi libat urus dengan pertubuhan masyarakat madani bagi kerjasama dalam membanteras jenayah penipuan kerja di luar negara; dan
- (f) Kerjasama dan penyelarasan semua kementerian/agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani isu ini.

NO SOALAN : 19

Selain itu, dalam usaha menambah baik tindakan membanteras jenayah penipuan pekerjaan di luar negara, PDRM sedang meneroka perencanaan dan pendekatan melibatkan aspek kawalan, kesedaran masyarakat, bina upaya dan kerjasama seperti berikut:

- (a) Pendekatan menyeluruh kerajaan dengan membangunkan prosedur operasi standard (SOP) bagi menyelaraskan peranan dan tindakan semua kementerian dan agensi dari aspek penyelamatan mangsa, perkongsian maklumat, pencegahan dan lain-lain;
- (b) Kesedaran masyarakat berdasarkan kepada kumpulan sasaran, komuniti, demografi, negeri dan lain-lain, penggunaan platform media sosial dalam program pencegahan serta berkolaborasi dengan sekolah, universiti dan juga persatuan belia;
- (c) Program bina upaya bagi memperkasa pengetahuan dan kemahiran agensi penguatkuasaan dalam menangani isu penipuan bekerja;
- (d) Sesi libat urus dengan pertubuhan masyarakat madani untuk bekerjasama membanteras jenayah ini dan memperkasakan public-private partnerships terutamanya sektor syarikat siber, penerbangan dan lain-lain; dan
- (e) Menyelaraskan tindakan *National Referral Mechanisms* (NRMs) serta mengadakan mesyuarat dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara destinasi secara berkala.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kuarters guru di Utan Aji berhadapan Sekolah Kebangsaan Utan Aji kerana didapati kuarters tersebut tidak digunakan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan termasuk kuarters guru yang selamat dan kondusif untuk diduduki.

Kuarters rumah guru bertingkat di Sekolah Kebangsaan (SK) Utan Aji terdiri daripada dua blok yang mengandungi 16 unit yang tidak berpenghuni kerana tiada permintaan untuk diduduki oleh warga KPM. Walaupun keadaan kuarters tersedia adalah baik dan berada di lokasi yang strategik, namun disebabkan oleh sewaan harga rumah bertanah di persekitaran kuarters guru di SK Utan Aji adalah lebih rendah berbanding kadar potongan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan elaun Bantuan Sara Hidup (BSH) jika menduduki kuarters, maka warga KPM lebih memilih untuk menyewa di luar.

Sehubungan itu, bagi mengoptimumkan penggunaan kuarters kosong yang tidak berpenghuni ini, KPM telah membuka tawaran kepada agensi kerajaan lain yang berminat untuk menduduki kuarters tersebut namun sehingga kini masih belum menerima sebarang permohonan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**
TARIKH : **20 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai hasil dari Sabah tahun lalu yang diserahkan kepada persekutuan berjumlah RM10.2 bilion :

- (a) adakah ianya merupakan hasil Sabah yang tertakluk di bawah Perkara 112C dan Seksyen 2 Bahagian IV Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) jika tidak, apakah lagi hasil yang perlu diambil kira bagi memastikan formula penubuhan Malaysia ini dapat dipenuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Persekutuan melalui platform Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63), komited untuk merundingkan kadar pemberian khas baharu kepada Sabah dan Sarawak. Kadar baharu pemberian khas ini telah mengambil kira kos perkhidmatan negeri dan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa ini, terdapat kes semakan kehakiman di mahkamah yang sedang berjalan mengenai tuntutan yang sama, iaitu kes Sabah Law Society v. The Government of the Federation of Malaysia (NO.BKI-25-14/6-2022). Oleh itu, pertanyaan ini adalah tidak wajar dibincangkan di Dewan Rakyat kerana tidak menepati Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memandangkan ia merupakan suatu pertanyaan yang mengelencongan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah (*likely to prejudice a case under trial*) dan juga merupakan suatu perkara yang masih dalam timbangan mahkamah (*sub judice*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah untuk menangani masalah kekurangan pekerja di dalam sektor perladangan, khususnya dalam sektor minyak sawit, dan mekanisme Kementerian dalam mengawal hal ehwal pekerja asing terhadap sektor perladangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengatasi isu kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(i) Kuota khas penggajian pekerja asing

Kerajaan telah meluluskan kuota khas pekerja asing sebanyak 24,570 secara *one-off* kepada 143 syarikat di sektor perladangan. Kelulusan secara *one-off* ini akan dapat membantu pihak majikan mengatasi isu kekurangan tenaga kerja buat masa ini. Di samping itu, pihak majikan juga boleh mengambil pekerja asing yang telah berada di dalam negara melalui permohonan tukar majikan (PTM) yang diselaraskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sekiranya masih terdapat keperluan pekerja asing yang mendesak.

(ii) Mengadaptasi teknologi mekanisasi dan automasi

Penggunaan mekanisasi dan automasi bukan sahaja dapat mempercepat proses kerja tetapi juga membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual. Sekiranya sebelum ini kerja-kerja di ladang dilaksanakan secara manual dapat dijalankan seluas 2 hektar sehari, dengan menggunakan teknologi mekanisasi dan automasi, keluasan kerja dapat ditingkatkan kepada 5 hingga 8 hektar sehari.

(iii) Menggalakan penyertaan pekerja tempatan

Bagi menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai sektor perladangan, KPK telah merangka beberapa program bagi menjadikan pekerjaan di sektor perladangan lebih menarik serta menjanjikan laluan kerjaya yang lebih terjamin seperti berikut:

NO SOALAN : 22

- (a) menggunakan secara meluas teknologi 4IR seperti *Internet of Things* (IOT) dan *Artificial Intelligence* (AI);
- (b) melahirkan *machine specialist* dan *harvesting technician* melalui jalinan kerjasama strategik antara Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dengan SD Guthrie dan FGV Holdings Berhad;
- (c) menawarkan kursus TVET yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dan turut mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) iaitu Kursus Mekanisasi Operasi Ladang (KOML); dan
- (d) mengadakan program *Place and Train* dengan syarikat perladangan bagi memberi jaminan penempatan pekerjaan kepada warga tempatan.

2. Dalam usaha mengawal hal ehwal pekerja asing di sektor perladangan, pihak Kementerian turut mewajibkan majikan memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO). Pensijilan ini juga telah mengambil kira pematuhan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta akta-akta lain yang berkaitan bagi mengelakkan penggajian pekerja asing secara tidak beretika.

3. Kerajaan komited dan telah mengambil langkah konkrit dalam menangani isu buruh paksa di negara ini. Pada 21 Mac 2022, Malaysia secara rasmi telah meratifikasi Konvensyen ILO No. 29 (Buruh Paksa) yang juga dikenali sebagai Protokol 29. Malaysia adalah negara kelima di Asia Pasifik dan negara kedua di ASEAN yang telah meratifikasi Protokol 29. Dengan pengesahan itu maka Kerajaan telah mengukuhkan pendiriannya untuk membanteras buruh paksa, melindungi pekerja, menegakkan hak pekerja serta memastikan mereka mendapat keadilan yang sewajarnya.

NO SOALAN : 22

4. Selain itu, Kementerian juga menganjurkan program sesi dialog bersama pemain industri untuk memberi penerangan dan khidmat nasihat mengenai aspek-aspek perburuhan seperti hak dan tanggungjawab majikan dan pekerja, isu buruh paksa dan buruh kanak-kanak, isu pemerdagangan orang dan juga amalan terbaik perburuhan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan LHDN (X/C20512339-02) yang melibatkan Crest Worldwide Resources Sdn. Bhd., dan UBB Amanah Berhad. Apakah langkah yang diambil untuk memastikan kejayaan pengutipan cukai tunggakan sebanyak RM218,366,365.23. Berapa banyak lagi kes yang melibatkan syarikat pemegang amanah digunakan untuk mengelak cukai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mendapati Crest Worldwide Resources Sdn. Bhd. telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 112 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 iaitu tidak melaporkan pendapatan dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kepada LHDNM.

Tindakan kutipan ke atas amaun cukai yang dibangkitkan juga sedang dilaksanakan oleh LHDNM mengikut peruntukan perundangan sedia ada. Ini termasuk memfailkan tuntutan bayaran balik pada bulan Ogos 2024 yang lalu.

Berhubung dengan UBB Amanah Berhad pula, tindakan audit ke atas syarikat berkenaan telah diselesaikan pada tahun 2023 dengan Notis Taksiran Tambahan telah dikeluarkan, di mana syarikat telah membayar taksiran tambahan tersebut dan tiada lagi tunggakan cukai yang berbaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LHDNM dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain akan meneruskan usaha bersepadu mengesan kes-kes pengelakan cukai melalui pelbagai mekanisma penguatkuasaan dan audit. Siasatan terperinci juga akan dilakukan berdasarkan bukti dan maklumat yang diterima dengan kerjasama agensi yang berkaitan. Kerajaan akan terus memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana entiti yang didapati melanggar undang-undang, termasuk dalam kes melibatkan pengelakan cukai oleh syarikat pemegang amanah.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun harian anggota RELA dan apakah insentif yang diberikan untuk menarik minat golongan muda menyertai RELA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Sukarelawan Malaysia sentiasa menitikberatkan aspek kebajikan anggota RELA. Untuk makluman, kali terakhir kadar elaun anggota RELA dinaikkan adalah pada 1 Januari 2020 di mana kadar kenaikan sebanyak RM2.00 bagi Penyelia daripada RM7.80/jam kepada RM9.80/jam manakala anggota RELA daripada RM6.00/jam kepada RM8.00/jam. Perkara ini adalah selaras dengan seksyen 5 Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 [Akta 752] yang menetapkan seseorang anggota RELA yang bertugas hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Selain daripada itu, bermula dari tahun 2022, keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan anggota RELA telah diterjemahkan melalui pemberian insentif sebanyak RM30 sehari atau RM660 sebulan kepada anggota RELA yang ditugaskan untuk membantu Pasukan Gerakan Am (PGA) dalam penugasan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan negara iaitu di Sabah, Sarawak, Kelantan, Selangor dan Perlis yang melibatkan seramai 490 anggota sebagai tambahan kepada elaun sedia ada. Insentif ini diberikan atas dasar risiko yang dihadapi dalam penugasan keselamatan dan penguatkuasaan sempadan negara adalah tinggi berbanding penugasan lain.

Bagi menarik minat golongan muda untuk menyertai RELA, Kerajaan turut menawarkan pelbagai kemudahan/ insentif apabila seseorang individu menjadi anggota RELA dan aktif dalam melaksanakan aktiviti melibatkan kawalan keselamatan dan ketenteraman awam. Antara kemudahan/ insentif yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Pakaian Operasi Digital (POD) diberikan secara percuma;
- (ii) Berpeluang untuk kenaikan pangkat. Pertimbangan untuk kenaikan pangkat ini akan dinilai oleh Pegawai RELA Daerah

NO SOALAN : 24

berdasarkan komitmen, kerjasama, sumbangan, keaktifan serta prestasi seseorang anggota;

- (iii) Layak menerima perkhidmatan kesihatan sebagaimana penjawat awam semasa menjalankan tugas. Perkhidmatan tersebut termasuklah pengecualian caj lawatan (pendaftaran), siasatan, rawatan dan wad sama ada sebagai pesakit luar, pesakit dalam atau pesakit harian;
- (iv) Perlindungan insuran diri berkelompok yang meliputi bayaran pampasan kematian akibat kemalangan, kecacatan, bayaran harian pesakit di wad hospital, pembelian anggota badan palsu dan khairat kematian. Perlindungan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan RELA; dan
- (v) Dibayar elaun latihan dan bertugas mengikut kadar bayaran elaun semasa jabatan.

Kerajaan sentiasa meneliti keperluan untuk semakan elaun dari semasa ke semasa dan bersedia mendengar sebarang maklum balas daripada semua pihak termasuk anggota RELA untuk penambahbaikan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

TARIKH : 20 NOVEMBER 24 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perkembangan terkini 33 projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi yang diumumkan dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) komited melaksanakan projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi (TBBT).
2. Sejumlah 43 projek TBBT telah diluluskan untuk pelaksanaan oleh JPS dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM10.45 bilion. Sehingga September 2024, JPS Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 31 Surat Setuju Terima (SST) dan baki 12 projek sedang dalam proses perolehan berdasarkan kepada tatacara dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji secara terperinci tentang keperluan untuk memansuhkan subsidi gula ekoran pemberian insentif kepada pengeluar gula tempatan yang dilaporkan pada kadar RM42 juta sebulan atau RM504 juta setahun pada tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi Belanjawan 2025, Kerajaan telah menggerakkan inisiatif *War on Sugar* dalam usaha untuk mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat bagi menangani penyakit yang berpunca daripada penggunaan gula yang tinggi seperti diabetis dan obesiti. Antara langkah yang diambil termasuk menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari 2025 sebanyak 40 sen seliter. Hasil yang diperolehi daripada duti eksais tersebut akan digunakan untuk menampung perbelanjaan kesihatan awam antaranya penambahan bekalan ubat SGLT-2 inhibitors bagi kegunaan rawatan diabetes.

Pada masa ini, pengedaran dan penjualan gula putih bertapis bagi pek 1kg oleh pengeluar gula tempatan dikawal melalui penetapan harga kawalan maksimum bagi jualan runcit dan borong melalui warta Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum). Harga kawalan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini adalah berdasarkan harga yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No. 3) 2018 seperti berikut:

Barangan	Harga (RM)	
	Borong	Runcit
Gula Pasir Putih Bertapis Kasar	2.77/kg	2.85/kg
Gula Pasir Putih Bertapis Halus	2.85/kg	2.95/kg

Berhubung insentif khas kepada pengeluar gula tempatan, Kerajaan telah memberikan insentif khas tersebut untuk memastikan keberadaan bekalan gula di pasaran kekal stabil bagi memenuhi keperluan rakyat dan kelangsungan operasi pengeluar gula berikutan kenaikan harga gula mentah memandangkan gula mentah adalah diimport sepenuhnya dari luar negara dan ia menyumbang 80% daripada kos keseluruhan pengoperasian pengeluar gula.

NO SOALAN : 26

Walau bagaimanapun, bantuan ini bukanlah bersifat kekal. Pemberian insentif ini pada masa ini adalah bagi memastikan bekalan stabil dan berterusan khususnya kepada pengguna domestik (isi rumah dan pengusaha mikro). Kerajaan akan terus memantau keadaan pasaran dan akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi meneruskan kelangsungan bekalan gula dan pada masa yang sama, menggalakkan pengurangan penggunaan gula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN
HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dibuat bagi menambah bilangan pelajar sekolah menengah dalam bidang Sains ke peringkat Ijazah Pertama perubatan dan seterusnya secara tidak langsung bakal menambah potensi bilangan pegawai perubatan di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan murid bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Melalui *Task Force* Pendidikan STEM bagi memperkasakan haluan pendidikan STEM negara, pelbagai usaha telah digerakkan untuk menggalakkan murid mengikuti aliran STEM, termasuk aliran sains pada peringkat menengah atas.

Murid yang mengikuti aliran sains berpeluang untuk menyambung pelajaran pada peringkat program asasi sains, program matrikulasi dan pengajian tingkatan 6 dalam bidang sains sebelum meneruskan pengajian di peringkat tertiar termasuk dalam bidang perubatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif sebagai usaha meningkatkan minat dan peratusan penyertaan murid dalam bidang STEM. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 memberi penekanan kepada peningkatan minat murid melalui pendekatan pembelajaran yang baharu dan pemantapan kurikulum, peningkatan kesedaran murid dan orang awam, peningkatan kemahiran dan kebolehan guru serta penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur untuk proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang STEM.

Terkini, langkah strategik KPM bagi meningkatkan minat murid dalam bidang STEM telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024. Antara langkah strategik tersebut ialah:

- i. menggalakkan pembelajaran STEM yang bermakna;
- ii. menyediakan peluang untuk murid mengembangkan bakat dan potensi melalui aktiviti kokurikulum bidang STEM pada pelbagai peringkat;
- iii. mengutamakan pembangunan kompetensi pemimpin sekolah, guru bidang STEM, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP);

- iv. mereka bentuk semula ruang pembelajaran yang luwes dan inklusif;
- v. membangunkan pentaksiran pembelajaran STEM yang inovatif dan holistik;
- vi. mengukuhkan kerjasama strategik bagi melestarikan ekosistem STEM; dan
- vii. menubuhkan Pusat Pendidikan STEM.

Selain itu, Program *Outreach* merupakan antara aktiviti yang memberi pendedahan kepada murid tentang kerjaya bidang STEM, termasuk bidang perubatan. Perkongsian oleh pakar perubatan kepada murid dan GBK akan memberi maklumat tentang kerjaya bidang perubatan yang boleh meningkatkan motivasi murid memilih kerjaya dalam bidang ini. Dicadangkan program lawatan sambil belajar ke hospital atau Fakulti Perubatan di universiti dipergiat agar dapat memberi inspirasi kepada murid tentang kerjaya bidang perubatan.

Terkini, Program Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) 100³ yang diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama KPM pula mengetengahkan perkongsian saintis tentang kerjaya dalam bidang STEM.

KPM sentiasa komited untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan, swasta, universiti dan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk pihak KPT dan universiti bagi membantu menarik minat murid untuk memilih bidang STEM. Program *STEM Street* yang melibatkan badan profesional dan ahli akademik akan diteruskan bagi meningkatkan minat dan kesedaran murid terhadap kepentingan bidang STEM serta kerjaya bidang STEM yang boleh diceburi pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk pemantauan dan pengukuran prestasi (KPI) yang dibuat oleh Kementerian dalam memastikan setiap universiti awam di Malaysia berada di landasan tepat dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan membentuk graduan yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan setiap universiti awam di Malaysia berada di landasan tepat dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan membentuk graduan yang berkualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan **Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024** dengan menggariskan **5 Fokus Utama** yang merangkumi 20 Landasan Hala Tuju. Lima fokus utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Penyediaan Bakat Terbaik Negara;**
- ii. **Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;**
- iii. **Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;**
- iv. **Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan**
- v. **Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.**

2. Dalam hal ini, lima (5) Naib Canselor Universiti Awam telah dilantik bagi mengetuai setiap Kumpulan Fokus Utama (KFU) yang berperanan untuk memantau dan mengukur pelaksanaan prestasi program/ inisiatif strategik yang dilaporkan agar selaras dengan Landasan Hala Tuju.

3. **Keberhasilan bagi KFU Penyediaan Bakat Terbaik Negara**, adalah untuk memastikan Graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memiliki ilmu dan kompetensi yang memenuhi keperluan pemegang taruh, berciri holistik dan bersemangat nasionalisme yang tinggi.

4. **Keberhasilan bagi KFU Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu** adalah *Knowledge Sharing Transfer Programme* (KSTP) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menjadi nukleus dan pemangkin kepada pembangunan masyarakat, industri dan negara yang menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Berhubung perkara ini, **KPT telah melaksanakan empat (4) langkah** dalam memastikan fokus utama ini dapat dilaksanakan iaitu.

- i. **Melaksanakan bengkel dan sesi libat urus bersama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah naungan Kementerian.**
- ii. **Menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI) bagi kelima-lima Fokus Utama tersebut.**
- iii. **Melantik Naib Canselor Universiti Awam bagi mengetuai setiap Fokus Utama.**
- iv. **Melaksanakan aktiviti pemantauan serta pelaporan secara berkala melalui Jawatankuasa Pelaksana, Pemandu dan Induk Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024.**

6. Selain Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 ini, **KPT turut meneruskan pemantauan prestasi pelaporan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan prestasi bagi Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Pendidikan Tinggi Nasional (NRC) serta inisiatif-inisiatif kementerian yang sedang dilaksanakan.**

7. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam usaha memastikan pemantauan pelaksanaan program serta inisiatif secara lebih strategik, Kementerian telah menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi (HEAD) yang bertujuan untuk memantau, menyelaras dan melaporkan prestasi pencapaian inisiatif-inisiatif utama kementerian. Dalam hal ini, **Dashboard Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi** telah dibangunkan supaya pemantauan prestasi berkala dapat dilaksanakan secara digital. Analisis prestasi pencapaian inisiatif dibuat bagi menilai keberkesanan dan cabaran, seterusnya melaksanakan intervensi serta cadangan penyelesaian bagi memastikan agenda transformasi pendidikan tinggi dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan Negeri Sabah telah meminta kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan jumlah pungutan hasil atau pendapatan yang telah diperoleh dari negeri Sabah tetapi Kerajaan Persekutuan tidak mahu memberikan data itu sehingga kini. Apakah sebabnya data itu enggan diberi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung yang masing-masing dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Cukai langsung merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala cukai tidak langsung terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.

Hasil bukan cukai pula dikutip daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah kenaaan bayaran kelulusan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan daripada jualan barangan, sewaan dan faedah dan pulangan pelaburan. Hasil bukan cukai turut merangkumi terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

Jumlah keseluruhan hasil cukai dan bukan cukai yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Perincian kutipan adalah dilaporkan mengikut jenis hasil dan cukai, dan bukannya mengikut setiap negeri. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Namun seperti yang pernah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebelum ini, pertanyaan Yang Berhormat mengenai jumlah pungutan hasil atas pendapatan yang diperolehi dari negeri Sabah adalah berkaitan dengan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan

NO SOALAN : 29

Kerajaan Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat terperinci mengenainya atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan daya tahan sistem bekalan air negara bagi menghadapi kesan perubahan iklim, seperti kemarau yang semakin kerap dan banjir yang melanda kawasan-kawasan tadahan air utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha memanfaatkan sumber air mentah bagi memastikan kelangsungan bekalan air sepanjang tahun walaupun berdepan dengan perubahan iklim. Beberapa kaedah alternatif telah dikenal pasti seperti pembinaan empangan, Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), empangan bawah tanah dan penuaian air hujan. Selain itu, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menerusi Indah Water Konsortium (IWK) juga sedang membangunkan inisiatif air pulih guna untuk tujuan bukan minuman.

2. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) juga sedang membangunkan Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara (National Water Balance Management System - NAWABS) di 19 lembangan sungai utama seluruh Negara. Komponen utama pembangunan sistem ini adalah penyediaan Laporan Kajian Keseimbangan Sumber Air dan Pembangunan Sistem Sokongan Pengurusan Keputusan (Decision Management Support System, DMSS) NAWABS.

3. Laporan Kajian Keseimbangan Sumber Air mengambil kira ketersediaan dan keperluan sumber air pada masa kini dan masa akan datang sehingga tahun 2050. Sistem DMSS NAWABS pula mengintegrasikan data-data hidrologi semasa termasuk data hujan, aras air, kadar alir bersama-sama dengan data ramalan hujan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia serta data ramalan global. Melalui sistem DMSS NAWABS, ramalan kemarau sehingga dua (2) bulan ke hadapan dan amaran kemarau 14 hari lebih awal dapat dihasilkan.

4. Sehingga tahun 2024, pembangunan sistem NAWABS di tujuh (7) lembangan sungai iaitu Sungai Kedah, Sungai Muda, Sungai Bernam, Sungai Klang, Sungai Melaka, Sungai Kelantan dan Sungai Similajau telah siap dan mula beroperasi. Manakala 12 lembangan sungai lagi sedang dalam proses pembangunan dan dijangka siap untuk beroperasi seawal tahun 2028.

NO SOALAN : 30

5. Selain itu, JPS juga mengeluarkan laporan pemantauan kemarau status storan empangan di 25 empangan utama dan pelaporan ini akan diperluaskan kepada empangan-empangan lain bermula Januari 2025.

6. Dengan adanya semua data dan maklumat daripada NAWABS, pihak pengurusan sumber air serta agensi-agensi berkaitan dapat menyediakan perancangan untuk meningkatkan daya tahan sistem bekalan air dalam mendepani fenomena perubahan iklim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perbezaan jualan diesel di Semenanjung Malaysia sebelum dan selepas langkah rasionalisasi subsidi diesel dilaksanakan pada 10 Jun 2024 dan berapa jumlah subsidi yang dijimatkan. Adakah jualan diesel di Sarawak bertambah secara mendadak selepas pelaksanaan rasionalisasi subsidi dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 10 Jun 2024, Kerajaan telah melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel bermula di Semenanjung Malaysia yang mensasarkan 23 jenis kenderaan diesel pengangkutan barangan darat melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) dengan menggunakan kaedah *fleet card*. Melalui kaedah ini, syarikat pengangkutan darat barangan yang diluluskan layak untuk mendapat bekalan diesel di stesen minyak pada harga RM2.15 seliter.

Selaras dengan penyasaran semula subsidi diesel, Kerajaan telah mengapungkan harga diesel tanpa subsidi di pam bagi minggu pertama bermula 10 Jun 2024 kepada RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter sejajar dengan kaedah apungan harga secara terkawal. Bagi mengurangkan kesan kenaikan harga berkenaan, Kerajaan mengekalkan subsidi diesel kepada sektor tertentu dan menyediakan bantuan kewangan supaya majoriti rakyat tidak terkesan. Ini termasuk pengekalan harga diesel bersubsidi untuk sektor pengangkutan awam dan nelayan serta pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada golongan petani, pekebun kecil dan pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak.

Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel menunjukkan penurunan mendadak dari segi penjualan diesel daripada stesen minyak iaitu sekitar 25% atau hampir 7 juta liter sehari mencerminkan pengurangan aktiviti penyeludupan sama ada rentas sempadan ataupun ketirisan kepada pihak industri yang tidak layak mendapat subsidi.

Jualan diesel secara komersil pula menunjukkan peningkatan hampir 50 peratus atau 4 juta liter sehari, menggambarkan betapa banyaknya kuantiti diesel bersubsidi yang telah dibeli oleh sektor industri daripada stesen minyak sebelum harga runcit diesel diapungkan secara terkawal pada masa ini.

Berdasarkan data awal, **penyasaran subsidi diesel setakat ini telah menjana penjimatan sekitar 600 juta ringgit sebulan.**

Namun, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel ini belum dapat diperluas ke negeri Sabah dan Sarawak pada masa ini memandangkan sebahagian besar mod pengangkutan untuk menjalankan aktiviti ekonomi serta melaksanakan program dan projek pembangunan di kedua-dua negeri itu menggunakan bahan api diesel. Tambahan pula, keadaan geografi di situ menghadkan kebolehlaksanaan mekanisme *fleet card* yang memerlukan kemudahan dan infrastruktur yang sesuai di kawasan pedalaman. Berdasarkan laporan tuntutan subsidi secara bulanan, purata penggunaan diesel di Sabah dan Sarawak pada masa ini kekal konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memperkenalkan semula Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang telah dimansuhkan sepenuhnya sejak tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai pentaksiran yang berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS juga adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan

penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian berkaitan PBS sebagai pentaksiran berorientasikan pembelajaran dan perkembangan murid ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam usaha memperkukuh kerangka 'beli dulu, bayar kemudian' (BNPL) mengambil kira jumlah nilai transaksi BNPL yang telah mencecah RM2.3 bilion dengan bilangan transaksi melebihi RM29 juta serta peningkatan ketara hampir 84.3% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sedikit pencerahan kepada soalan yang dikemukakan oleh YB Bachok. Mengenai data RM29 juta di dalam soalan YB, ini sebenarnya merujuk kepada jumlah transaksi dan bukan dalam bentuk nilai ringgit. Secara ringkasnya, bilangan transaksi 29 juta melibatkan nilai sebanyak RM2.3 bilion.

Skim “Beli Sekarang Bayar Kemudian” atau lebih dikenali sebagai “*Buy Now Pay Later*” (BNPL) mula menjadi tarikan di kalangan pengguna di Malaysia pada sekitar 2020, terutamanya ketika wabak COVID-19 melanda negara. Pandemik tersebut telah mempercepatkan penggunaan BNPL kerana pengguna mencari pilihan pembayaran yang mudah dan fleksibel dalam mengurus kewangan mereka.

Skim BNPL membolehkan pengguna membuat pembelian dan membayar secara ansuran mengikut jadual yang ditetapkan. BNPL biasanya tidak memerlukan dokumen yang kompleks dan proses kelulusan juga adalah cepat. Setiap pengguna diberi had kredit tertentu (*credit limit*) berdasarkan keupayaan kewangan pengguna BNPL. BNPL disediakan melalui aplikasi mudah alih atau platform e-dagang, menjadikannya mudah diakses.

Setakat 30 September 2024, terdapat 4.6 juta pemegang akaun BNPL yang aktif. Bagi suku ketiga 2024, transaksi BNPL berjumlah RM3.1 bilion meningkat dengan ketara (17.9%) berbanding dengan RM2.63 bilion bagi suku kedua 2024. Majoriti pengguna BNPL berumur 21 sehingga 45 tahun dan lebih daripada 70% daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Purata pembelian yang menggunakan BNPL adalah sebanyak RM82. Pada ketika ini, terdapat 13 syarikat yang menawarkan skim BNPL di Malaysia, tiga daripadanya merangkumi lebih daripada 95% pasaran (*market share*).

Skim BNPL yang mudah dan insentif yang ditawarkan menarik pengguna, sekaligus meningkatkan kadar penggunaan BNPL di

Malaysia. Perkara ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap tahap keberhutangan isirumah. Sungguhpun begitu, peningkatan transaksi ini masih terkawal kerana pinjaman BNPL hanya merangkumi sebanyak 0.2% daripada keseluruhan keberhutangan isirumah di negara ini. Sementara itu, kadar jumlah BNPL tidak berbayar (*overdue*) juga adalah terkawal pada kadar 3.1% daripada jumlah keseluruhan kredit BNPL.

Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Rang Undang-undang Kredit Pengguna (RUUKP) akan dibentangkan pada sidang Parlimen pada suku pertama tahun hadapan. Ini adalah satu inisiatif Kerajaan dalam mempertingkatkan perlindungan kepada pengguna kredit dengan mengawal selia industri kredit di Malaysia, termasuklah skim BNPL. RUUKP (yang akan dikenali sebagai Akta Kredit Pengguna atau AKP) akan menyediakan **rangka kerja pengawalseliaan yang menyeluruh dan bersepadu** ke atas industri pemberi kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank.

Di bawah AKP, pemberi kredit bukan bank seperti syarikat yang menawarkan BNPL, syarikat pajakan dan pemfaktoran serta penyedia perkhidmatan kredit seperti syarikat pemerolehan pinjaman atau pembiayaan terjejas (*impaired loan buyers*), agensi perkhidmatan pengutipan hutang dan agensi perkhidmatan kaunseling dan pengurusan hutang dikehendaki mematuhi keperluan pelakuan bagi memastikan mereka mengamalkan pemberian dan perkhidmatan kredit yang bertanggungjawab serta adil bagi melindungi pengguna kredit. Ini termasuklah melakukan penilaian kemampuan berhutang (*affordability assessment*) terhadap pengguna kredit sebelum menawarkan pembiayaan, memastikan terma urus niaga yang tidak berat sebelah, pengenaan caj atau fi yang telus, berpatutan dan tidak membebankan, tatacara pengutipan hutang yang berhemah serta layanan profesional terhadap pengguna kredit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a) apakah Kementerian akan mewajibkan pemasangan *dash cam* kepada semua kenderaan untuk kebaikan pengguna jalan raya bersama; dan
- b) pemasangan radar pengesanan penghuni di dalam kereta ke atas semua pengeluar kereta supaya insiden tertinggal anak kecil sehingga kematian dapat dielakkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) menggalakkan pemasangan kamera papan pemuka (*dashcam*) pada kenderaan masing-masing termasuk pengguna motosikal dan kenderaan perdagangan. Walau bagaimanapun, MOT belum berhasrat untuk mewajibkan pemasangan *dashcam* pada semua kenderaan.
2. MOT melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) juga melaksanakan program CamScore dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia (CSM) bertujuan untuk membantu pengguna membuat pilihan jenis *dashcam* untuk kenderaan mereka. Penilaian CamScore merangkumi 3 komponen – iaitu ciri asas, ciri lanjutan, dan Sistem Bantuan Pemandu Lanjutan (*Advanced Driver-Assistance System – ADAS*). *Dashcam* yang dinilai diberi skor berdasarkan sistem penilaian lima bintang, dengan lima bintang sebagai penilaian tertinggi.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIROS melalui Program Penilaian Kereta Baharu Untuk Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN NCAP) telah mengambil langkah proaktif untuk menggalakkan pengeluar kenderaan memasang peralatan yang bertujuan untuk mengelakkan ibu bapa daripada tertinggal anak-anak dalam kenderaan secara tidak sengaja ketika tiba di destinasi. Inisiatif ini merupakan salah satu teras penting dalam Protokol ASEAN NCAP semenjak tahun 2021 dan dikenali sebagai pemasangan teknologi Pengesanan Kehadiran Kanak-kanak (*Child Presence Detection*).
4. Di samping itu, MIROS juga sedang membangunkan prototaip Sistem Pengesanan dan Amaran Kanak-Kanak Terperangkap Di Dalam Kenderaan atau MIROS *Children in Vehicle Tracking and Alerting System* (MyCINTA). Sistem MyCINTA akan mengaktifkan mekanisme tindak balas kecemasan pertama (*emergency first response*) dengan menurunkan tingkap kenderaan secara automatik ke suatu aras tertentu untuk memastikan pengaliran udara berlaku. Selain itu, lampu amaran

NO SOALAN : 34

bahaya kendaraan atau *hazards light* akan diaktifkan secara otomatis untuk menarik perhatian orang awam di sekitar kendaraan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat kajian terperinci Kerajaan dalam merangka strategi untuk mengatasi *underemployment* dalam kalangan graduan secara lebih holistik mengambil kira trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Khazanah Research Institute (KRI) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan laporan kajian *Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents* pada Mac 2024 yang antaranya membincangkan ketersediaan kerja dan kecekapan padanan antara kemahiran tenaga kerja dengan permintaan daripada majikan.
2. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa bilangan pekerja yang berpendidikan tinggi telah meningkat sebanyak 1.2 juta kepada 5.2 juta orang pada tahun 2022 berbanding tahun 2015. Walau bagaimanapun, hanya 2.2 juta jumlah pekerjaan berkemahiran tinggi di pasaran pada tahun 2022. Penambahan bilangan bakat yang mahir tidak disokong oleh jawatan yang sesuai, mengakibatkan kadar pengambilan kerja yang lebih tinggi berbanding kelayakan seterusnya menyebabkan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran.
3. Sehubungan itu, bagi mengatasi isu *underemployment* di kalangan graduan IPT ini, antara inisiatif KPT adalah seperti:
 - i. **Memperkasa program intervensi dan pembangunan** iaitu pelaksanaan program latihan dan pembangunan Kemahiran seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan dan Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTiP) bertujuan memberi nilai tambah kepada graduan sebelum memasuki alam pekerjaan.
 - ii. **Memperkukuh kerjasama IPT dan industri** dengan mempergiatkan kolaborasi bersama industri melalui platform-platform tertentu yang bertujuan membincangkan isu-isu ketidaksepadanan penawaran dan permintaan tenaga buruh serta menyediakan ruang dan peluang (platform) bagi membincangkan isu-isu kebolehpasaran graduan termasuk "*underemployment*".

- iii. Mempergiat Kerjasama merentas Kementerian dan Agensi** iaitu mempergiat kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Ekonomi (KE) bagi membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, guna tenaga tidak penuh, gaji permulaan graduan dan pelbagai lagi.
- iv. Program Pembangunan Keusahawanan** melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) yang menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta pekerjaan (*job creator*). Selain itu, KPT turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian dan agensi – agensi strategik antaranya seperti pihak TEKUN dan SME Corp dalam pembiayaan dana, MDEC dan juga MRANTI dalam peningkatan kemahiran khusus dan kolaborasi lain bagi membantu usahawan siswazah di dalam memperoleh ilmu baharu yang dipraktikkan dalam pasaran, khidmat nasihat dan mentorship.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan khusus Kementerian untuk menyambung semula perkhidmatan kereta api Bangkok-Padang Besar-Butterworth seperti yang dilaporkan oleh State Railway of Thailand (SRT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bersama State Railway of Thailand (SRT) telah menyediakan pelan khusus penyambungan semula perkhidmatan kereta api Bangkok - Padang Besar – Butterworth. Cadangan penyambungan semula ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengukuhkan kerjasama rentas sempadan dalam sektor perkhidmatan kereta api dan bertujuan memudahkan mobiliti rentas sempadan.

2. Cadangan ini akan dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- a) Fasa percubaan operasi selama enam bulan yang dijadualkan bermula pada bulan Mac 2025 bagi perjalanan pada hujung minggu iaitu hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Tempoh percubaan operasi ini adalah untuk melihat corak permintaan pengguna serta membangunkan inisiatif dan pakej bagi mempromosikan bersama perkhidmatan ini.
- b) Fasa selepas tempoh percubaan operasi dijangka bermula pada bulan September 2025 dengan pengoperasian tren berjadual setiap hari dan penawaran pakej promosi yang lebih menarik untuk memastikan perkhidmatan ini kompetitif dan berdaya maju.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) berapa jumlah kes yang melibatkan pemandu mabuk yang didakwa di bawah Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi tempoh 2021 sehingga 2024; dan
- (b) apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu mangsa dan waris mangsa yang terkesan akibat kemalangan yang berpunca daripada pemandu mabuk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data perangkaan daripada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk yang didakwa di bawah Seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi tempoh Januari 2021 hingga September 2024 adalah sebanyak 149 kes.

Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah kesalahan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah dan menyebabkan kematian jika disabitkan dihukum penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 15 tahun serta denda tidak kurang RM50,000 dan tidak lebih RM100,000 manakala Seksyen 44(1A) Akta Pengangkutan Jalan 1987 memperuntukkan kesalahan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah dan menyebabkan kecederaan jika disabitkan kesalahan dihukum penjara tidak kurang 7 tahun dan tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM30,000 dan tidak lebih RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kes kemalangan yang disebabkan oleh pemandu mabuk, PDRM bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan trafik dan menjalankan siasatan dengan telus serta adil kepada semua pihak terlibat demi memastikan mangsa dan waris mangsa mendapat pembelaan sewajarnya dan pihak yang bersalah dibawa ke muka pengadilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN
FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan perancangan untuk mengembangkan ekonomi hiliran setelah Malaysia menerima pelaburan yang tinggi dalam sektor digital terutamanya daripada penubuhan pusat data.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemasukan pelaburan digital yang merangkumi penubuhan pusat data di Malaysia telah mewujudkan limpahan ekonomi terhadap aktiviti dan industri yang berkaitan.
2. Justeru, bagi memperkembangkan ekonomi hiliran hasil daripada pelaburan pusat data, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan dan dirancang, antaranya adalah seperti berikut:

(a) Pengukuhan Perkhidmatan Kerajaan melalui Perkhidmatan Awan (*Cloud Services*)

Penubuhan pusat data baharu dan perkhidmatan awan dapat menyokong dan memacu pendigitalan perkhidmatan Kerajaan serta meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Kementerian ini sedang merangka Dasar Pengkomputeran Awan Negara yang dijangka dimuktamadkan pada penghujung tahun ini. Selain itu, Jabatan Digital Negara (JDN) di bawah Kementerian ini juga sedang menyemak semula *Cloud Framework Agreement* (CFA) yang merupakan sebahagian usaha berterusan Kementerian untuk menambahbaik polisi berkaitan dengan pengkomputeran awan.

(b) Penggalakan Pembangunan Perisian (*Software*) dan Perkhidmatan Teknologi Tempatan

Pusat data juga adalah teras kepada infrastruktur digital yang memacu perkembangan industri perkhidmatan teknologi seperti pembangunan perisian, aplikasi pintar serta sistem digital termasuk aplikasi kecerdasan buatan (AI), Internet Kebendaan (IoT) dan analitik data raya (*big data analytics*).

Jarak pusat data dengan pengguna juga memainkan peranan yang penting kerana faktor seperti kelajuan dan *latency* akan mempengaruhi pembangunan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Sebagai insentif bagi menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan dan global untuk menjalankan ujian (*testbed*) dan membangunkan perisian yang berimpak tinggi, Kementerian akan terus melaksanakan program *Global Testbed Initiative* (GTI) melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Perkembangan industri perkhidmatan dan teknologi digital ini berpotensi menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi baharu yang dapat memberi manfaat kepada rakyat.

(c) Penggalakan Penerimgunaan AI

Industri pusat data di Malaysia yang berkembang pesat menyokong penerimgunaan AI dengan menyediakan infrastruktur asas untuk AI. Sehingga bulan Ogos 2024, lebih lima (5) pusat data berskala hiper-sedia AI (*AI-ready hyperscalers*) telah dibangunkan di seluruh negara.

Ketersediaan infrastruktur asas sedia AI ini akan menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi daripada syarikat-syarikat teknologi global ke dalam negara.

Kementerian juga telah mengenal pasti 200 buah syarikat tempatan yang berpotensi sebagai penyedia perkhidmatan teknologi AI selaras dengan usaha Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Hab AI Generatif di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030).

(d) Pengembangan Sektor Perkhidmatan dan Infrastruktur Sokongan

Pusat data mencipta peluang baharu dalam sektor perkhidmatan dan infrastruktur sokongan seperti pendinginan, bekalan tenaga, sistem kawalan suhu dan keselamatan fizikal. Pusat data yang memerlukan bekalan tenaga, air serta perkhidmatan sokongan lain yang stabil dan mampan akan terus mencetus perkembangan sektor sokongan ini.

Sehubungan dengan ini, Kementerian ini juga sedang membangunkan Kerangka Pembangunan Industri Pusat Data Yang Mampan di Malaysia yang akan merangkumi garis panduan kelestarian termasuk kecekapan tenaga, air, penggunaan tenaga boleh diperbaharui serta amalan terbaik kelestarian lain bagi pusat data.

(e) Pertumbuhan Perkhidmatan Telekomunikasi dan Rangkaian

Pusat data memerlukan rangkaian telekomunikasi yang efisien untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, pelaburan dalam pusat data turut mendorong permintaan terhadap penyedia perkhidmatan telekomunikasi seperti infrastruktur *dark fibre* dan rangkaian internet berkelajuan tinggi.

Perkembangan perkhidmatan telekomunikasi ini secara tidak langsung akan menambahbaik pengalaman pengguna internet dalam negara dan memacu penerimgunaan digital yang lebih meluas di seluruh negara.

3. Kementerian ini dengan kerjasama pihak berpentingan yang lain akan terus meneroka pembangunan dasar serta inisiatif yang inovatif dan bersepadu untuk mengoptimumkan faedah ekonomi daripada pelaburan industri pusat data yang sedang pesat

berkembang di Malaysia.

4. Malaysia perlu memanfaatkan perkembangan ini agar dapat melonjakkan lagi usaha pembangunan inovasi teknologi seperti AI Generatif dan teknologi masa hadapan (*Next-Gen Technology*) yang memerlukan kuasa pemrosesan tinggi melalui infrastruktur pusat data yang tersedia dalam negara.

Sekian, terima

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) perkembangan terkini proses mengambil alih Sekolah Menengah Agama Darul Naim, Kuala Krau; dan
- (b) perancangan Kementerian sama ada untuk membina sekolah baru menggantikan bangunan yang lama dan uzur ataupun membaik pulih bangunan yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Menengah Agama Darul Naim, Kuala Krau merupakan sekolah kelolaan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) selaku lembaga pengelola sekolah (LPS). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memaklumkan kepada pihak LPS bahawa sekolah ini telah mendapat kelulusan untuk didaftarkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) pada tahun 2024 dan KPM sedang membuat semakan akhir beberapa dokumen yang berkaitan sebelum Memorandum Persefahaman (MoU) dimeterai di antara KPM dengan pihak MUIP pada tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPM sentiasa memberi ruang kepada sekolah agama rakyat/sekolah agama negeri (SAR/SAN) untuk membuat permohonan sebagai SABK agar KPM boleh memberi sumbangan modal dan sumbangan bantuan secara berterusan ke arah meningkatkan pembangunan pendidikan agama islam di Malaysia.

Berdasarkan permeterian MoU, pihak LPS dan KPM mempunyai tanggungjawab bersama-sama bagi memastikan kemudahan infrastruktur SABK berada pada tahap yang kondusif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak KPM turut menyediakan peruntukan penyelenggaraan kepada SABK berdasarkan kewangan semasa kerajaan. Walau bagaimanapun, sehingga kini KPM tiada obligasi untuk membina dan membangunkan sekolah baharu kerana SABK dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Namun begitu, KPM membenarkan sekiranya bangunan baharu ini di bina oleh LPS atau menggunakan wang awam melalui sumbangan luar dengan syarat mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD
JAN [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani bantahan oleh sembilan institusi pendidikan Cina di negara ini yang menolak inisiatif KPM menyelaraskan silibus Bahasa Melayu di sekolah rendah vernakular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan keupayaan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Antara inisiatif yang sedang dirancang adalah untuk menggunakan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) sebagai asas kepada piawai penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu yang terdiri daripada penutur jati dan bukan jati. KSBM ini ialah dokumen rujukan piawaian bahasa untuk digunakan oleh semua pengguna bahasa Melayu seluruh dunia.

KPM sedang mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pertubuhan pendidikan bahasa Cina dan Tamil untuk mendapatkan pandangan dan cadangan berkaitan penggunaan KSBM. Sesi libat urus sebegini telah diadakan pada 10 Julai dan 5 September 2024. Antara yang diperbincangkan termasuklah modul pembelajaran yang bersesuaian bagi kurikulum Bahasa Melayu untuk digunakan dalam pelbagai peringkat persekolahan di Malaysia bermula Kurikulum Persekolahan 2027.

Perbincangan juga mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu yang berbeza dalam konteks sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Semua pihak bersetuju bahawa sesi libat urus sebegini perlu diteruskan. KPM sentiasa terbuka kepada sebarang cadangan melalui perundingan dan perbincangan dengan pihak berkepentingan sebelum sesuatu perkara diputuskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha bagi menangani bahan penerbitan yang mempunyai unsur *softporn* dan boleh merosakkan minda anak-anak muda khususnya para pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberi perhatian serius terhadap bahan penerbitan yang terlibat dengan pelanggaran di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984. Penguatkuasaan berbentuk pemeriksaan secara rutin dan berfokus secara berterusan dilaksanakan bagi membendung perkara ini daripada terus berlaku. Pemeriksaan ini tidak hanya tertumpu kepada hasil penerbitan di lapangan sahaja, tetapi pemeriksaan turut dilaksanakan di pintu-pintu masuk negara, secara dalam talian, platform e-dagang dan di media sosial. Selain penguatkuasaan, Kementerian turut menjalankan advokasi melalui pelbagai aktiviti secara bersasar kepada pelajar sekolah ataupun remaja, termasuk kepada ibu bapa bagi memberikan pengetahuan, meningkatkan kesedaran serta mendapatkan kerjasama daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk tidak terlibat dalam pengaruh penerbitan tidak bermoral yang disifatkan sebagai merosakkan minda anak-anak muda khususnya pelajar.

Dalam hal ini, KDN turut meningkatkan jalinan kerjasama dengan rakan strategik daripada pelbagai agensi berkaitan bagi mengekang penulatan terhadap sebarang aktiviti pengedaran, penjualan, penerbitan dan pencetakan apa-apa hasil penerbitan yang memberi kesan negatif kepada minda anak-anak muda.

Oleh yang demikian, KDN akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang terlibat dengan aktiviti yang didapati melanggar peruntukkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 kerana mengandungi hasil penerbitan yang tidak diingini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAM [SABAK BERNAM]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah hasil Kajian Keberkesanan Benteng Pantai Negeri Selangor di sepanjang pantai bermula dari Sabak bernam hingga ke Sepang yang di lihat semakin terhakis dan berbahaya di musim air pasang besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian keberkesanan benteng Pantai Negeri Selangor telah selesai dilaksanakan pada tahun 2023. Tujuan utama kajian adalah untuk menilai keutuhan benteng pantai sedia ada di sepanjang garis pantai dan merangka pelan induk komprehensif dan bersepadu; khasnya dalam pengurusan fenomena banjir pantai.

2. Hasil kajian telah melaporkan jumlah panjang pantai di Negeri Selangor adalah sepanjang 198.87 km, meliputi lima (5) daerah iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat dan Sepang. Kajian ini juga telah mengenalpasti inventori aset pintu kawalan air pasang surut dan juga status ban pantai sepanjang pantai di Selangor. Dapatan Kajian mencadangkan keperluan ban-ban pantai yang perlu dinaiktaraf atau dibina baharu akibat mendapan dan hakisan yang telah berlaku dengan keperluan anggaran kos berjumlah RM292.12 juta.

3. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM36 juta untuk melaksanakan lapan (8) projek di bawah projek Fenomena Air Pasang Besar di Negeri Selangor.

Projek-projek tersebut adalah:

- i. Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Kg Sungai Janggut dan Kg Tok Adam berjumlah RM4.6 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Jun 2026;
- ii. Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Kawasan Kg. Lembah Pantai Sg Kajang, Tanjung Karang berjumlah RM4.9 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Jun 2026;

- iii. Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Kg. Seri Sentosa Sekinchan, Daerah Sabak Bernam, berjumlah RM2.9 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Jun 2026;
- iv. Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Pantai Batu 23, Daerah Sabak Bernam, berjumlah RM1.28 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Mei 2026;
- v. Projek Kawalan Hakisan Dan Memperkukuhkan Benteng Pantai Di Sg. Hj. Dorani, Daerah Sabak Bernam, berjumlah RM2.4 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Januari 2026;
- vi. Projek Pengawalan Hakisan Pengukuhan Benteng Kepah, Sg. Apong Dan Sg. Lang, Daerah Sabak Bernam, berjumlah RM7 juta. Projek ini bermula pada Jun 2024 dan dijangka siap pada Julai 2026;
- vii. Projek Membina Dan Menaiktaraf Benteng Pantai Dan Kawalan Hakisan Bagi Fenomena Air Pasang Besar Di Pantai Cunang Dan Pantai Tanjung Sepat , Daerah Kuala Langat, berjumlah RM7.9 juta. Projek ini bermula pada Julai 2024 dan dijangka siap pada Julai 2026; dan
- viii. Projek Menaiktaraf Benteng Pantai Bagi Mengatasi Fenomena Air Pasang Besar Di Kg. Tok Muda Dan Kg. Sg Serdang Daerah Klang, berjumlah RM4.8 juta. Projek ini bermula pada Julai 2024 dan dijangka siap pada November 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah intervensi Kerajaan terhadap ruang fiskal dan monetari dengan paras defisit yang masih tinggi mengambil kira senario geopolitik dunia yang berlaku hari ini serta kesannya terhadap perdagangan serantau selain gangguan kepada pasaran kewangan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran luaran termasuk konflik geopolitik, gangguan rantai bekalan dan ketidakstabilan harga minyak mentah yang memberi kesan ke atas kedudukan fiskal Kerajaan. Justeru, pembaharuan struktur fiskal yang proaktif penting dalam meningkatkan keupayaan untuk mengekang dan mengurangkan sebarang risiko serta ketidaktentuan. Penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] merupakan inisiatif penanda aras yang menggambarkan iltizam Kerajaan bagi menambah baik disiplin fiskal, tadbir urus dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam.

Kerajaan akan meneruskan usaha bagi mengukuhkan kedudukan kewangan di samping menyokong agenda pembangunan negara. Beberapa inisiatif bagi meningkatkan hasil seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025 termasuk semakan semula kadar cukai jualan, peluasan skop cukai perkhidmatan dan pengenalan cukai dividen bagi meluaskan asas cukai secara progresif. Sementara itu, bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan antara langkah yang akan dilaksanakan termasuk menambah baik program pemberian subsidi pukal kepada mekanisme yang lebih bersasar. Di samping itu, penubuhan jawatankuasa khas bagi merasionalisasi badan berkanun dalam menangani pertindihan fungsi seterusnya memastikan perbelanjaan yang lebih efisien dan efektif.

Dalam jangka masa sederhana, Kerajaan akan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal termasuk merangka Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) bagi meningkatkan mobilisasi hasil serta meneruskan penyasaran subsidi secara berperingkat bagi mengoptimumkan perbelanjaan. Kerajaan juga sedang melaksanakan langkah pembaharuan institusi dan tata kelola termasuk penambahbaikan mekanisme kerjasama awam-swasta (PPP) seperti yang digariskan di bawah Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2030 (PIKAS 2030), penggubalan Akta baharu untuk menambah baik perolehan Kerajaan dan

memperkuh tadbir urus syarikat milik kerajaan (SOE) yang dijangka akan meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan pengurusan kewangan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) BNM menggubal dasar monetari dengan objektif untuk mengekalkan kestabilan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan pada masa hadapan.

Pada paras OPR semasa iaitu 3.00 peratus, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek pertumbuhan dan inflasi.

Walaupun wujud beberapa cabaran bagi ekonomi Malaysia, terutamanya daripada perkembangan global termasuk geopolitik, prospek ekonomi domestik kekal positif. Pertumbuhan ekonomi dijangka terus kukuh, didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan berikutan keadaan pasaran pekerja yang kekal positif serta kegiatan eksport yang terus berkembang. Aktiviti pelaburan dalam sektor swasta dan awam juga memberangsangkan dan akan meningkatkan keupayaan pengeluaran ekonomi dengan menyumbang kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan pertumbuhan pendapatan. Langkah-langkah Belanjawan 2025 juga akan memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan ekonomi sementara inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan.

Kerajaan akan terus memantau keadaan persekitaran global dan melaksanakan langkah intervensi fiskal dan monetari dalam menangani impak terhadap kedudukan ekonomi dan fiskal negara sekiranya perlu. Membina semula penampan fiskal penting dalam mengukuhkan kedudukan kewangan dan membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas bagi menghadapi kejutan luaran dan krisis pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan komited dalam melaksanakan

NO SOALAN : 43

dasar fiskal berhemat dan monetari yang akomodatif bagi mengimbangi antara keperluan menyokong aktiviti ekonomi dan perniagaan serta melindungi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh mana usaha Kementerian untuk mewujudkan dana wakaf tenaga boleh diperbaharui dapat dijalankan di negeri dan libat urus yang telah dijalankan di peringkat negeri bagi menjayakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) tidak mempunyai program spesifik berkaitan dana wakaf tenaga boleh baharu (TBB).
2. Memandangkan asas pelaksanaan program berkaitan wakaf membabitkan pengumpulan sumbangan dana daripada orang ramai serta organisasi yang berhasrat untuk pembangunan sesuatu projek wakaf, sewajarnya pengurusan dana wakaf serta pelaksanaan projek berkaitan secara keseluruhannya perlu sistematik dan mematuhi kehendak syariah.
3. Dalam hal ini, Yayasan Waqaf Malaysia (YYM) merupakan entiti wakaf kebangsaan di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan untuk mengendalikan aspek mengumpul, mengurus dan membangun dana wakaf dengan lebih sistematik serta selari dengan maqasid syariah.
4. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pihak YYM juga bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal wakaf dalam membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara. Selain itu, dalam mengendalikan dana wakaf yang diterima, YWM turut merangka pelaburan dalam pelbagai sektor termasuk dalam bidang TBB dengan kerjasama dengan pelbagai institusi kewangan dan syarikat korporat yang berhasrat sumbangan dana wakaf tersebut disalurkan kepada projek pembangunan TBB.
5. Pada prinsipnya, PETRA menggalakkan pelaksanaan konsep wakaf dalam pembangunan TBB seperti pemasangan sistem solar di masjid melalui sumbangan pewakaf solar yang terdiri daripada orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak swasta, bagi membolehkan pihak masjid menjana sebahagian bekalan elektrik secara sendiri melalui pemasangan solar di bumbung bangunan untuk mengurangkan jejak karbon penggunaan elektrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kajian untuk mengadakan semula peperiksaan UPSR bagi tahun 6 dan PMR bagi tingkatan 3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS disifatkan sebagai pentaksiran yang berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambahbaik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia dan mereka juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS. Perbandingan pentaksiran pendidikan yang dilaksanakan di negara serantau dan antarabangsa menunjukkan bahawa pentaksiran pendidikan di Malaysia bergerak selari dengan agenda pendidikan global.

Pelaksanaan PBS juga adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Sebagai usaha memperkasa PBS, KPM juga telah melaksanakan ujian akhir sesi akademik yang merupakan pentaksiran sumatif dalam komponen PBD. Ujian ini bersifat *low stake* dan mampu mengurangkan tekanan peperiksaan kepada murid. Selain itu, KPM turut melakukan

penambahbaikan terhadap pelaksanaan ujian akhir sesi akademik mulai sesi akademik 2024/2025, antaranya ialah menukar bentuk pelaporan daripada Tahap Penguasaan (TP) kepada bentuk peratus dan gred, serta memberikan sekolah dan guru autonomi dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian berkaitan PBS sebagai pentaksiran berorientasikan pembelajaran dan perkembangan murid ini juga telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan semua pelancong asing keluar dari Malaysia setelah tamat tempoh visa; dan
- (b) berapa jumlah pelancong asing yang tidak keluar setelah tamat tempoh visa dari tahun 2023-2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kemasukan pelawat asing ke Malaysia bagi tahun 2024 sehingga 15 Oktober adalah seramai jutaan orang. Bagi memastikan semua pelawat asing yang memasuki Malaysia adalah pelawat tulen, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menetapkan beberapa prosedur kawalan antaranya:-

- i) hanya pelawat yang bebas dari senarai syak dan senarai hitam dibenarkan untuk masuk;
- ii) pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*); dan
- iii) mewajibkan setiap pelawat mengisi Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) bagi memantau keberadaan pelawat semasa berada di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa alasan seperti berikut pelawat asing yang memasuki Malaysia dan tidak keluar setelah tamat tempoh mereka berada di Malaysia berdasarkan peraturan imigresen, pelawat tersebut telah membuat pertukaran pas (*conversion pas*) setelah kemasukan Pas Lawatan Sosial mengikut syarat-syarat semasa. Pas-pas ini termasuklah Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Lawatan Sosial (Isteri / Suami kepada Warganegara), Pas Pelajar, Pas Residen, Pas Penggajian dan Pas Lawatan Kerja Sementara. Selain itu, terdapat pelawat asing yang telah diberi Pas Khas untuk membenarkan mereka tinggal tidak lebih dari 30 hari bagi tujuan menyelesaikan urusan mereka di Malaysia.

Tindakan semasa yang dilaksanakan oleh JIM untuk mengesan pelawat-pelawat asing yang telah tinggal lebih masa adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan **operasi penguatkuasaan** dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta

NO SOALAN : 46

passport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 di 224 lokasi *Hotspot* yang dikenalpasti menjadi tumpuan warga asing;

- ii) mengadakan operasi diseluruh negara, di mana bagi tempoh 1 Jun 2024 hingga 30 Oktober 2024 sejumlah 17,745 operasi telah dilaksanakan;
- iii) mengambil tindakan kepada majikan yang menggajikan pekerja asing yang tidak sah;
- iv) membuat naziran dan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat yang menggaji pekerja asing tanpa pas yang sah; dan
- v) jumlah pelawat asing yang ditangkap dan ditahan di pusat-pusat tahanan imigresen di Malaysia bagi tahun 2023 adalah seramai 27,739 dan mulai 1 Januari 2024 hingga 14 November 2024 seramai 41,234 telah ditangkap dan ditempatkan di depot tahanan imigresen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) jumlah kes tahanan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dari tahun 2013 hingga 2024 dan apakah kategori kesalahan keselamatan yang digunakan dalam tahanan tersebut; dan
- (b) adakah wujud jawatankuasa untuk menyemak keseluruhan akta ini daripada segi pelaksanaannya dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), rekod tangkapan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [SOSMA] 2012 dari tahun 2013 hingga 30 September 2024 adalah seramai ribuan orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengkaji dan menyemak akta-akta di bawah selian dari semasa ke semasa bagi memastikan langkah-langkah penambahbaikan sentiasa diambil mengikut keperluan semasa. KDN telah menubuhkan Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-Undang Berkaitan Keselamatan pada tahun 2018 bagi mengkaji enam (6) akta yang berada di bawah bidang kuasa KDN termasuklah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Jawatankuasa pada ketika itu telah memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dan telah memberikan pandangan terhadap peruntukan akta-akta tersebut terutamanya dari aspek perundangan dan hak asasi manusia. Jawatankuasa juga telah memberikan pandangan dari segi implikasi keselamatan yang akan timbul sekiranya akta-akta tersebut dipinda atau dimansuhkan.

Walau bagaimanapun, setiap undang-undang adalah bersifat dinamik. Semakan dan kajian perlu dilaksanakan secara berterusan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam memastikan sesuatu perundangan itu kekal relevan.

Justeru, Kerajaan Perpaduan pada tahun 2023 bersama-sama mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang juga Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyelaraskan beberapa sesi libat urus secara holistik. KDN dan agensi dibawahnya seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE) turut terlibat dalam sesi libat urus tersebut. Usai sesi libat urus tersebut, beberapa syor pindaan telah dikemukakan kepada KDN untuk diteliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN
WAN JAN [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan usaha dan rancangan Kementerian untuk mengawal selia teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) agar tidak disalah guna oleh mana-mana pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini memandang serius agar teknologi kecerdasan buatan (AI) tidak akan disalah guna oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian juga tidak dapat menafikan perkembangan teknologi AI yang turut meliputi AI Generatif semakin meluas digunakan dan perkara ini turut membuka lebih ruang dan peluang untuk disalahguna.
2. Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2024 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian ini untuk menubuhkan Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (*National Artificial Intelligence Office*) secara inkubasi di bawah MyDIGITAL Corporation selama 12 bulan. Penubuhan Pejabat ini adalah penting bagi memastikan koordinasi dan pembangunan ekosistem AI akan ditadbir dan diurus dengan lebih strategik mengikut landskap dalam negara. Ia seiring dengan hasrat transformasi pendigitalan Kerajaan serta memangkin pembangunan masyarakat dan ekonomi digital yang mampan berteraskan teknologi AI yang tinggi.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat ini juga sedang meneroka serta meneliti dengan mendalam keperluan perundangan baharu melalui cadangan pelaksanaan kajian bagi mengawal selia teknologi memunculkan termasuklah AI dengan turut mengambil kira terhadap cadangan pewujudan perundangan baharu ini, ianya tidak akan menyekat serta merencatkan perkembangan aplikasi teknologi tersebut di Malaysia.
4. Selain itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah membangunkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence Governance and Ethics* (AIGE). Garis Panduan AIGE ini yang telah dilancarkan pada 20 September 2024 dan turut sama dimurnikan oleh Kementerian ini, melihat kepada ekosistem AI secara menyeluruh meliputi pembangun, penyedia perkhidmatan, pengguna dan penggubal

NO SOALAN : 48

dasar berkaitan AI supaya ianya mematuhi nilai-nilai sosial dan etika, serta kebijakan yang ada bagi memastikan teknologi AI digunakan untuk kesejahteraan umum tanpa mengabaikan hak kemanusiaan dan keamanan individu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

- (a) berapa ramai bilangan terkini pekerja asing dan pendatang tanpa izin di negara ini; dan
- (b) apakah langkah diambil untuk menangani masalah lambakan warga asing yang masuk secara haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2024, bilangan pekerja asing yang berdaftar di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah seramai **2,438,468** orang yang bekerja di tujuh sektor utama iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, pembantu rumah dan perlombongan & pengkuarian.

Kementerian Dalam Negeri melalui JIM komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini. Sehingga **13 November 2024**, sebanyak **17,745** operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JIM di seluruh negara melibatkan tangkapan seramai **41,073** orang PATI dan **1,589** orang majikan atas pelbagai kesalahan imigresen.

Kemasukan warga asing ke Malaysia bagi tahun 2024 sehingga 15 Oktober adalah seramai jutaan orang. Bagi memastikan semua pelawat asing yang memasuki Malaysia adalah pelawat yang tulen dan menepati syarat, JIM telah menetapkan beberapa prosedur kawalan antaranya:-

- i) hanya pelawat yang bebas dari senarai syak dan senarai hitam dibenarkan untuk masuk;
- ii) pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*); dan
- iii) mewajibkan setiap pelawat mengisi Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) bagi memantau keberadaan pelawat semasa berada di Malaysia.

Tindakan semasa yang dilaksanakan oleh JIM untuk mengesan pelawat-pelawat asing yang telah tinggal lebih masa adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 49

- i) melaksanakan **operasi penguatkuasaan** dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta passport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 di 224 lokasi *Hotspot* yang dikenalpasti menjadi tumpuan warga asing;
- ii) mengadakan operasi diseluruh negara, di mana bagi tempoh 1 Jun 2024 hingga 30 Oktober 2024 sejumlah 17,745 operasi telah dilaksanakan;
- iii) mengambil tindakan kepada majikan yang menggajikan pekerja asing yang tidak sah;
- iv) membuat naziran dan khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat yang menggaji pekerja asing tanpa pas yang sah; dan
- v) jumlah pelawat asing yang ditangkap dan ditahan di pusat-pusat tahanan imigresen di Malaysia bagi tahun 2023 adalah seramai 27,739 dan mulai 1 Januari 2024 hingga 14 November 2024 seramai 41,234 telah ditangkap dan ditempatkan di depoh tahanan imigresen.

JIM juga turut melaksanakan sebanyak **2,762** Operasi Bersepadu dengan lain-lain agensi penguatkuasaan di seluruh negara dengan tangkapan seramai **8,812** orang PATI dan **52** majikan atas pelbagai kesalahan imigresen sepanjang tahun 2023 hingga 13 November 2024.

Tindakan penguatkuasaan imigresen ini adalah berlandaskan aduan awam serta maklumat-maklumat lain yang diterima oleh JIM melalui panggilan telefon, kehadiran ke pejabat imigresen, e-mel dan juga surat-menyurat. Kesimpulannya, keberadaan warga asing di negara ini tidak hanya menjadi tanggungjawab satu pihak sahaja sebaliknya melibatkan peranan pelbagai agensi dan pihak, termasuklah rakyat negara ini. Penyaluran maklumat keberadaan PATI boleh dibuat melalui platform talian aduan PATI yang

NO SOALAN : 49

diwujudkan oleh JIM di talian 03-88801347 dan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam JIM di laman web imi.spab.gov.my.

Sekian, terima kasih.